

## BAB 8

### TRANSAKSI TERUNDING SBL

#### 8.1 PIHAK-PIHAK YANG MEMASUKI TRANSAKSI TERUNDING SBL

Hanya Peserta SBLNT boleh memasuki Transaksi Terunding SBL tertakluk pada pematuhan kepada kehendak-kehendak yang relevan yang dinyatakan dalam Kaedah-kaedah ini.

#### 8.2 PERMOHONAN MENJADI PEMBERI PINJAM SBLNT YANG DILULUSKAN

Mana-mana orang yang ingin menjadi Pemberi Pinjam SBLNT yang Diluluskan hendaklah:

- (i) menyerahkan permohonan dan aku janji lengkap yang dilaksanakan sewajarnya dalam bentuk yang ditetapkan menerusi Wakil Peminjaman kepada Pusat Penjelasan; dan
- (ii) mematuhi semua kehendak yang ditetapkan oleh Pusat Penjelasan untuk Pemberi Pinjam SBLNT yang Diluluskan sebagaimana yang terkandung dalam Kaedah-kaedah ini, Syarat-syarat SBL atau sebagaimana yang ditetapkan oleh Pusat Penjelasan dari semasa ke semasa yang berkaitan dengan pinjaman dan peminjaman Sekuriti.

#### 8.3 PERMOHONAN UNTUK MENJADI PEMINJAM SBLNT YANG DILULUSKAN

Untuk menjadi Peminjam SBLNT yang Diluluskan, seseorang hendaklah:–

- (a) berada dalam salah satu kategori orang yang ditetapkan oleh Pusat Penjelasan yang layak untuk menjadi Peminjam SBLNT yang Diluluskan;
- (b) menyerahkan permohonan dan aku janji lengkap yang dilaksanakan sewajarnya dalam bentuk yang ditetapkan menerusi Wakil Pinjamannya kepada Pusat Penjelasan;
- (c) mematuhi semua kehendak yang ditetapkan oleh Pusat Penjelasan bagi Peminjam SBLNT yang Diluluskan sebagaimana yang terkandung dalam Kaedah-kaedah ini atau sebagaimana yang ditetapkan oleh Pusat Penjelasan dari semasa ke semasa yang berkaitan dengan Transaksi Terunding SBL; dan
- (d) mematuhi Kaedah 7.20 Kaedah-Kaedah Bursa seolah-olah Bursa ialah Organisasi Peserta yang dirujuk dalam Kaedah-kaedah itu.

#### 8.4 BUDI BICARA PUSAT PENJELASAN

- (a) Pusat Penjelasan boleh melaksanakan budi bicara ke atas kelulusan suatu permohonan untuk menjadi Peserta SBLNT dan boleh meluluskan atau menolak permohonan sedemikian sebagaimana yang difikirkan sesuai. Pusat Penjelasan boleh juga meluluskan permohonan tanpa syarat atau tertakluk pada syarat sedemikian, sebagaimana yang difikirkan sesuai.
- (b) Pusat Penjelasan boleh membatalkan kelulusan yang diberikan kepada Peserta SBLNT, pada bila-bila masa tanpa rujukan selanjutnya kepada Peserta SBLNT apabila mana-mana satu atau lebih keadaan yang berikut berlaku:

- (i) Apabila Peserta SBLNT memohon pembatalan;
- (ii) Apabila Peserta SBLNT tidak lagi layak di bawah Kaedah 8.2 atau Kaedah 8.3, mengikut mana-mana yang berkaitan, untuk terus menjadi Pemberi Pinjam SBLNT yang Diluluskan atau Peminjam SBLNT yang Diluluskan; atau
- (iii) Sekiranya Pusat Penjelasan menganggap perlu dengan perundingan dengan Suruhanjaya.

Sekiranya Pusat Penjelasan telah membatalkan kelulusan yang diberikan kepada Peserta SBLNT, Pusat Penjelasan boleh mengarahkan Peserta SBLNT sedemikian untuk menamatkan Transaksi Terunding SBL dan, bagi Peminjam SBLNT yang Diluluskan, untuk menghantar serah semula Sekuriti Diberi Pinjam kepada Pemberi Pinjam SBLNT yang Diluluskan dalam rangka masa dan dalam cara sebagaimana yang ditetapkan oleh Pusat Penjelasan.

## 8.5 TUJUAN PEMINJAMAN SEKURITI

- (a) Peminjam SBLNT yang Diluluskan boleh meminjam Sekuriti yang Layak hanya untuk mana-mana satu tujuan yang berikut tertakluk pada kehendak-kehendak sedemikian sebagaimana yang ditetapkan oleh Pusat Penjelasan:
  - (i) untuk memudahkan penyelesaian Penjualan Singkat Dikawal Selia dalam Sekuriti yang Layak yang dilaksanakan menurut Kaedah-Kaedah Bursa;
  - (ii) untuk memudahkan penyelesaian jualan Sekuriti yang Layak sekiranya tiada Sekuriti atau Sekuriti tidak mencukupi dalam akaun sekuriti penjual yang akan membolehkan penjual memenuhi obligasi penghantarserahannya kepada pembeli (menurut Kaedah-Kaedah Bursa yang berkaitan dengan penghantarserahan dan penyelesaian) (“perdagangan berpotensi gagal”) disebabkan kesilapan yang bagaimana jua pun yang dilakukan apabila melaksanakan jualan dengan sentiasa menjadi syarat bahawa kesalahan tersebut dilakukan dengan suci hati dan ditemui hanya selepas jualan telah dilaksanakan;
  - (iii) untuk memudahkan Penjualan Singkat yang Dibenarkan dalam Sekuriti yang Layak yang dilaksanakan menurut Kaedah-Kaedah Bursa; atau
  - (iv) bagi seterusnya meminjamkan Sekuriti Diberi Pinjam dengan syarat peserta-peserta dalam transaksi peminjaman seterusnya mematuhi Kaedah-kaedah ini dan kehendak Pusat Penjelasan yang berkaitan dengan Transaksi Bursa SBL atau Transaksi Terunding SBL (menurut mana-mana yang sesuai), termasuk diluluskan sebagai Pemberi Pinjam atau Peserta Peminjaman atau Pemberi Pinjam SBLNT yang Diluluskan (menurut mana-mana yang sesuai); atau
  - (v) bagi tujuan lain yang seumpamanya sebagaimana yang boleh ditentukan oleh Pusat Penjelasan dengan perundingan dengan Suruhanjaya.
- (b) Sekiranya Sekuriti Diberi Pinjam dipinjam untuk memudahkan penyelesaian perdagangan berpotensi gagal sebagaimana yang ditetapkan dalam Kaedah 8.5(a)(ii) di atas, Peminjam SBLNT yang Diluluskan hendaklah mengembalikan Sekuriti Diberi Pinjam sedemikian dalam masa yang ditetapkan oleh Pusat Penjelasan.
- (c) Untuk tujuan subkaedah (a), melainkan konteksnya menghendaki yang selainnya –
  - (i) “Penjualan Singkat yang Dibenarkan” merujuk jualan singkat Sekuriti yang Layak yang dilaksanakan sebagai “Jualan Singkat yang Dibenarkan” menurut Kaedah-Kaedah Bursa; dan

- (ii) “Penjualan Singkat Dikawal Selia” hendaklah mempunyai maksud yang sama sebagaimana yang diberikan kepada ungkapan tersebut dalam Kaedah-Kaedah Bursa.

## **8.6 KELULUSAN SEBAGAI WAKIL PEMINJAMAN**

- (a) Peserta Penjelasan yang memohon kelulusan untuk bertindak sebagai Wakil Peminjaman hendaklah:
  - (i) memenuhi kehendak-kehendak Kaedah 8.7(c);
  - (ii) memohon kepada Pusat Penjelasan untuk diluluskan sebagai Wakil Peminjaman dengan menelitkan bahawa permohonannya adalah sebagai Wakil Peminjaman untuk Transaksi Terunding SBL; dan
  - (iii) menyerahkan kepada Pusat Penjelasan suatu perakuan bertulis dalam bentuk yang ditetapkan dalam Lampiran 1 bersama-sama dengan permohonannya sebagaimana yang dirujuk di atas.
- (b) Tanpa menjejaskan kuasa yang diberikan kepada Pusat Penjelasan dalam Kaedah 2A.2 berhubung dengan pelaksanaan pemeriksaan ke atas Peserta Penjelasan, Pusat Penjelasan boleh, pada bila-bila masa dan/atau dari semasa ke semasa sebelum atau selepas penerimaan perakuan yang ditetapkan dalam Lampiran 1, melakukan apa-apa pemeriksaan dan/atau audit ke atas Peserta Penjelasan yang ingin mendapatkan kelulusan untuk bertindak sebagai Wakil Peminjaman dalam cara sebagaimana yang ditentukan oleh Pusat Penjelasan.
- (c) Pusat Penjelasan boleh, apabila meluluskan apa-apa permohonan yang dibuat oleh Peserta Penjelasan menurut Kaedah 8.6(a), menghendaki atau mensyaratkan sedemikian sebagaimana yang disifatkan sesuai untuk memastikan operasi Transaksi Terunding SBL yang lancar.
- (d) Tanpa mengambil kira dan tanpa menjejaskan apa-apa peruntukan lain dalam Bab ini, Pusat Penjelasan tidak akan diwajibkan untuk meluluskan permohonan setiap Peserta Penjelasan untuk menjadi Wakil Peminjaman.
- (e) Peserta Penjelasan yang telah diluluskan untuk bertindak sebagai Wakil Peminjaman mesti bertindak sebagai wakil yang dilantik sah bagi Pemberi Pinjam SBLNT yang Diluluskan apabila melaksanakan fungsi dan tanggungjawab yang ditetapkan di bawah Kaedah 8.7(a) dan sebagaimana yang ditentukan oleh Pusat Penjelasan dari semasa ke semasa.
- (f) Peserta Penjelasan tidak boleh melaksanakan fungsi dan tanggungjawab yang ditetapkan di bawah Kaedah 8.7(a) bagi mana-mana Pemberi Pinjam SBLNT yang Diluluskan, sebagai wakilnya, melainkan perkara tersebut telah diluluskan terlebih dahulu sebagai Wakil Peminjaman dan telah menandatangani perjanjian bertulis dengan Pemberi Pinjam SBLNT yang Diluluskan sedemikian untuk dilantik sebagai Wakil Peminjamannya, dengan perjanjiannya hendaklah termasuk perkara-perkara yang ditetapkan dalam Lampiran 2.

## **8.7 FUNGSI DAN TANGGUNGJAWAB WAKIL PEMINJAMAN**

- (a) Peserta Penjelasan yang diluluskan dan dilantik sebagai Wakil Peminjaman bagi Pemberi Pinjam SBLNT yang Diluluskan hendaklah, antara lain, mempunyai fungsi dan tanggungjawab yang berikut:

- (i) Untuk memproses permohonan mana-mana orang yang memohon untuk menjadi Pemberi Pinjam SBLNT yang Diluluskan (selepas ini dirujuk sebagai “Pemberi Pinjam SBLNT yang Diluluskan Tersebut” dalam Kaedah ini);
  - (ii) Untuk menghantar atau mengemukakan kepada Pemberi Pinjam SBLNT yang Diluluskan Tersebut apa-apa pemberitahuan atau maklumat terkini yang dikomunikasikan oleh Pusat Penjelasan yang berkaitan dengan Transaksi Terunding SBL bagi Pemberi Pinjam SBLNT yang Diluluskan Tersebut atau yang diterima oleh Wakil Peminjaman daripada Pusat Penjelasan bagi maklumat Pemberi Pinjam SBLNT yang Diluluskan Tersebut;
  - (iii) Untuk mengumpulkan semua Dokumen, borang, perjanjian, surat-surat ikatan amanah termasuk apa-apa pindaan atau variasi daripadanya yang berkaitan dengan atau yang mengawal Transaksi Terunding SBL sebagaimana yang mungkin diperlukan oleh Pusat Penjelasan dari semasa ke semasa, daripada Pemberi Pinjam SBLNT yang Diluluskan Tersebut untuk penyerahan kepada Pusat Penjelasan dan daripada Pusat Penjelasan untuk penghantaran kepada Pemberi Pinjam SBLNT yang Diluluskan Tersebut;
  - (iv) Untuk menerima apa-apa fi dan caj yang genap masa untuk dibayar dan kena dibayar oleh Pemberi Pinjam SBLNT yang Diluluskan Tersebut kepada Pusat Penjelasan, yang timbul berikutan dengan apa-apa perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan oleh Pusat Penjelasan, yang berkaitan dengan Transaksi Terunding SBL dan untuk membayar kepada Pusat Penjelasan fi dan caj sedemikian yang berkaitan dengan Transaksi Terunding SBL;
  - (v) Untuk membekalkan kepada Pusat Penjelasan maklumat atau Dokumen sedemikian yang berkaitan dengan Transaksi Terunding SBL dan nasihat, pernyataan dan laporan sedemikian tentang operasi Transaksi Terunding SBL pada masa sedemikian dan dalam cara sedemikian sebagaimana yang ditetapkan oleh Pusat Penjelasan;
  - (vi) Untuk melaksanakan dengan berkesan apa-apa arahan, direktif atau perintah yang diberikan oleh Pusat Penjelasan bagi memudahkan operasi mana-mana transaksi oleh Pemberi Pinjam SBLNT yang Diluluskan Tersebut yang berkaitan dengan Transaksi Terunding SBL;
  - (vii) Untuk memberitahu Pusat Penjelasan dengan serta-merta apabila menyedari berlakunya apa-apa pelanggaran atau kemungkinan berlakunya pelanggaran oleh Pemberi Pinjam SBLNT yang Diluluskan Tersebut akan apa-apa Kaedah atau kehendak yang dikenakan oleh Pusat Penjelasan ke atas Pemberi Pinjam SBLNT yang Diluluskan Tersebut yang berkaitan dengan Transaksi Terunding SBL; dan
  - (viii) Fungsi dan tanggungjawab lain sebagaimana yang ditentukan oleh Pusat Penjelasan dari semasa ke semasa.
- (b) Pusat Penjelasan boleh, melalui notis yang diberikan kepada Peserta Penjelasan dari semasa ke semasa, meminda, mevariasikan atau mengubah suai fungsi dan tanggungjawab Peserta Penjelasan sebagai Wakil Peminjaman yang berkaitan dengan Transaksi Terunding SBL.
- (c) Peserta Penjelasan yang ingin mendapatkan kelulusan untuk bertindak sebagai Wakil Peminjaman atau yang diluluskan untuk bertindak sebagai Wakil Peminjaman hendaklah memastikan bahawa pada setiap masa, sistem yang diperlukan, infrastruktur, kefungsiannya dan kawalan prestasi bagi fungsi dan tanggungjawab yang ditetapkan dalam Kaedah 8.7(a) telah disediakan.

- (d) Dalam melaksanakan fungsi dan tanggungjawab yang ditetapkan di bawah Kaedah 8.7(a) bagi pihak Pemberi Pinjam SBLNT yang Diluluskan Tersebut, Peserta Penjelasan yang diluluskan sebagai Wakil Peminjaman hendaklah mematuhi prosedur atau kehendak sebagaimana yang dikenakan oleh Pusat Penjelasan dari semasa ke semasa.

## 8.8 KELULUSAN SEBAGAI WAKIL PINJAMAN

- (a) Peserta Penjelasan yang ingin mendapatkan kelulusan untuk bertindak sebagai Wakil Pinjaman yang berkaitan dengan Transaksi Terunding SBL hendaklah:
- (i) memenuhi kehendak-kehendak Kaedah 8.9(c) yang berikut;
  - (ii) memohon kepada Pusat Penjelasan untuk diluluskan sebagai Wakil Pinjaman; dan
  - (iii) menyerahkan kepada Pusat Penjelasan suatu perakuan bertulis dalam bentuk yang ditetapkan dalam Lampiran 3, bersama-sama dengan permohonannya sebagaimana yang dirujuk di atas.
- (b) Tanpa menjejaskan kuasa yang diberikan kepada Pusat Penjelasan dalam Kaedah 2A.2 berhubung dengan pelaksanaan pemeriksaan ke atas Peserta Penjelasan, Pusat Penjelasan boleh, pada bila-bila masa dan/atau dari semasa ke semasa sebelum atau selepas penerimaan perakuan yang ditetapkan dalam Lampiran 3, melakukan apa-apa pemeriksaan dan/atau audit ke atas Peserta Penjelasan yang ingin mendapatkan kelulusan untuk bertindak sebagai Wakil Pinjaman dalam cara sebagaimana yang ditentukan oleh Pusat Penjelasan.
- (c) Pusat Penjelasan boleh, apabila meluluskan apa-apa permohonan yang dibuat oleh Peserta Penjelasan menurut Kaedah 8.8(a), mengenakan kehendak atau syarat sedemikian sebagaimana yang disifatkan sesuai untuk memastikan operasi Transaksi Terunding SBL yang lancar.
- (d) Tanpa mengambil kira dan tanpa menjejaskan apa-apa peruntukan lain dalam Bab ini, Pusat Penjelasan tidak akan diwajibkan untuk meluluskan permohonan setiap Peserta Penjelasan yang layak untuk menjadi Wakil Pinjaman.
- (e) Peserta Penjelasan yang telah diluluskan untuk bertindak sebagai Wakil Pinjaman mesti bertindak sebagai wakil yang dilantik sah bagi Peminjam SBLNT yang Diluluskan apabila melaksanakan fungsi dan tanggungjawab yang ditetapkan di bawah Kaedah 8.9(a) dan sebagaimana yang ditentukan dari semasa ke semasa.
- (f) Peserta Penjelasan tidak boleh melaksanakan fungsi dan tanggungjawab yang ditetapkan di bawah Kaedah 8.9(a) bagi mana-mana Peminjam SBLNT yang Diluluskan, sebagai wakilnya, melainkan perkara tersebut telah diluluskan terlebih dahulu sebagai Wakil Pinjaman dan telah menandatangani perjanjian bertulis dengan Peminjam SBLNT yang Diluluskan sedemikian untuk dilantik sebagai Wakil Pinjaman, yang mana perjanjiannya hendaklah termasuk perkara-perkara yang ditetapkan dalam Lampiran 4.

## 8.9 FUNGSI DAN TANGGUNGJAWAB WAKIL PINJAMAN

- (a) Peserta Penjelasan yang diluluskan dan dilantik sebagai Wakil Pinjaman bagi Peminjam SBLNT yang Diluluskan hendaklah, antara lain, mempunyai fungsi dan tanggungjawab yang berikut:

- (i) Untuk memproses permohonan mana-mana orang yang layak memohon untuk menjadi Peminjam SBLNT yang Diluluskan (selepas ini dirujuk sebagai “Peminjam SBLNT yang Diluluskan Tersebut” dalam Kaedah ini);
  - (ii) Untuk menghantar atau mengemukakan kepada Peminjam SBLNT yang Diluluskan Tersebut apa-apa pemberitahuan atau maklumat terkini yang dikomunikasikan oleh Pusat Penjelasan yang berkaitan dengan Transaksi Terunding SBL bagi Peminjam SBLNT yang Diluluskan Tersebut atau yang diterima oleh Wakil Pinjaman daripada Pusat Penjelasan bagi maklumat Peminjam SBLNT yang Diluluskan Tersebut;
  - (iii) Untuk mengumpulkan semua Dokumen, borang, perjanjian, surat ikatan amanah termasuk apa-apa pindaan atau variasi daripadanya yang berkaitan dengan atau yang mengawal Transaksi Terunding SBL sebagaimana yang mungkin diperlukan oleh Pusat Penjelasan dari semasa ke semasa, daripada Peminjam SBLNT yang Diluluskan Tersebut untuk penyerahan kepada Pusat Penjelasan dan daripada Pusat Penjelasan untuk penghantaran kepada Peminjam SBLNT yang Diluluskan Tersebut;
  - (iv) Untuk menerima apa-apa fi dan caj yang genap masa untuk dibayar dan kena dibayar oleh Peminjam SBLNT yang Diluluskan Tersebut kepada Pusat Penjelasan yang timbul berkaitan dengan apa-apa perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan oleh Pusat Penjelasan yang berkaitan dengan Transaksi Terunding SBL dan untuk membayar kepada Pusat Penjelasan fi dan caj sedemikian yang berkaitan dengan Transaksi Terunding SBL;
  - (v) Untuk membekalkan kepada Pusat Penjelasan maklumat dan Dokumen sedemikian yang berkaitan dengan Transaksi Terunding SBL dan nasihat, pernyataan dan laporan sedemikian tentang operasi Transaksi Terunding SBL pada masa sedemikian dan dalam cara sedemikian sebagaimana yang ditetapkan oleh Pusat Penjelasan;
  - (vi) Untuk melaksanakan dengan berkesan apa-apa arahan, direktif atau perintah yang diberikan oleh Pusat Penjelasan bagi memudahkan operasi mana-mana transaksi oleh Peminjam SBLNT yang Diluluskan Tersebut yang berkaitan dengan Transaksi Terunding SBL;
  - (vii) Untuk memberitahu Pusat Penjelasan dengan serta-merta apabila menyedari berlakunya apa-apa pelanggaran atau kemungkinan berlakunya pelanggaran oleh Peminjam SBLNT yang Diluluskan Tersebut akan apa-apa Kaedah atau kehendak yang dikenakan oleh Pusat Penjelasan ke atas Peminjam SBLNT yang Diluluskan Tersebut yang berkaitan dengan Transaksi Terunding SBL; dan
  - (viii) Fungsi dan tanggungjawab lain sebagaimana yang ditentukan oleh Pusat Penjelasan dari semasa ke semasa.
- (b) Pusat Penjelasan boleh, melalui notis yang diberikan kepada Peserta Penjelasan dari semasa ke semasa, meminda, mevariasikan atau mengubah suai fungsi dan tanggungjawab Peserta Penjelasan sebagai Wakil Pinjaman yang berkaitan dengan Transaksi Terunding SBL.
- (c) Peserta Penjelasan yang ingin mendapatkan kelulusan untuk bertindak sebagai Wakil Pinjaman atau yang diluluskan untuk bertindak sebagai Wakil Pinjaman hendaklah memastikan bahawa pada setiap masa, sistem yang diperlukan, infrastruktur, kefungsi dan kawalan prestasi bagi fungsi dan tanggungjawab yang ditetapkan dalam Kaedah 8.9(a) telah disediakan.

- (d) Dalam melaksanakan fungsi dan tanggungjawab yang ditetapkan di bawah Kaedah 8.9(a) bagi pihak Peminjam SBLNT yang Diluluskan Tersebut, Peserta Penjelasan hendaklah mematuhi prosedur atau kehendak sebagaimana yang dikenakan oleh Pusat Penjelasan dari semasa ke semasa.

## **8.10 PERJANJIAN PINJAMAN DAN PEMINJAMAN SEKURITI YANG DILULUSKAN OLEH SURUHANJAYA**

Peserta SBLNT atau klien mereka boleh memasukkan perkara yang dinyatakan dalam Lampiran 5 dalam perjanjian yang mentadbir terma dan syarat transaksi pinjaman dan peminjaman Sekuriti yang dikendalikan oleh Pusat Penjelasan di bawah Bab 8 dan jika mereka berbuat demikian, perjanjian sedemikian akan disifatkan sebagai perjanjian pinjaman dan peminjaman Sekuriti yang diluluskan oleh Suruhanjaya sebagaimana yang dirujuk dalam Garis Panduan Pinjaman dan Peminjaman Sekuriti yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya.

## **8.11 AKSES KEPADA SISTEM SBLNT**

- (a) Apabila permohonan untuk menjadi Wakil Peminjaman atau Wakil Pinjaman yang dibuat menurut Kaedah 8.6(a) atau Kaedah 8.8(a) diluluskan, mengikut mana-mana yang berkaitan, Peserta Penjelasan hendaklah diberikan akses kepada Sistem SBLNT untuk melaksanakan apa-apa fungsi dan tanggungjawab sebagai Wakil Peminjaman atau Wakil Pinjaman yang berkaitan dengan Transaksi Terunding SBL.
- (b) Peserta Penjelasan sedemikian hendaklah mematuhi apa-apa syarat atau kehendak yang ditetapkan oleh Pusat Penjelasan dari semasa ke semasa yang berkaitan dengan akses kepada atau penggunaan Sistem SBLNT.

## **8.12 KEHENDAK TRANSAKSI TERUNDING SBL**

- (a) Peminjam SBLNT yang Diluluskan hendaklah memastikan Peminjam SBLNT yang Diluluskan memperoleh pengesahan daripada Pemberi Pinjam SBLNT yang Diluluskan bahawa Pemberi Pinjam SBLNT yang Diluluskan mempunyai Sekuriti yang Layak yang tersedia untuk dipinjamkan kepada Peminjam SBLNT yang Diluluskan. Pengesahan seumpamanya mestilah mempunyai butiran sedemikian dan disenggarakan dalam cara sebagaimana yang ditetapkan oleh Pusat Penjelasan.
- (b) Peserta-peserta SBLNT yang bersetuju dengan Transaksi Terunding SBL dan mahukan Sekuriti Diberi Pinjam dihantARSERAHKAN hendaklah memberitahu Pusat Penjelasan akan butiran Transaksi Terunding SBL yang ditetapkan, melalui Wakil Peminjaman atau Wakil Pinjaman masing-masing yang dilantik dan dalam cara sebagaimana yang ditetapkan oleh Pusat Penjelasan.
- (c) Apabila menerima pemberitahuan yang relevan daripada kedua-dua Peserta SBLNT, Pusat Penjelasan adalah diberi kuasa oleh Pemberi Pinjam SBLNT yang Diluluskan dan Peminjam SBLNT yang Diluluskan, masing-masing, untuk mengarahkan Depositori Pusat untuk mendebit atau mengkredit akaun sekuriti yang diberikan oleh Pemberi Pinjam SBLNT yang Diluluskan dan Peminjam SBLNT yang Diluluskan, mengikut mana-mana yang berkaitan, untuk tujuan penghantARSERAHAN Sekuriti Diberi Pinjam kepada Peminjam SBLNT yang Diluluskan dengan syarat:
- (i) butiran yang relevan yang diberikan oleh Peserta SBLNT disahkan dalam cara sebagaimana yang ditetapkan oleh Pusat Penjelasan; dan
  - (ii) terdapat Sekuriti yang mencukupi dalam akaun sekuriti Pemberi Pinjam SBLNT yang Diluluskan pada masa yang relevan sebagaimana yang

ditentukan oleh Pusat Penjelasan untuk menyempurnakan penghantarserahan Sekuriti Diberi Pinjam.

- (d) Peserta SBLNT boleh, pada bila-bila masa sebelum penamatan peminjaman dan dalam cara sebagaimana yang ditetapkan oleh Pusat Penjelasan, mengubah suai atau mengubah Sekuriti yang terkandung dalam Sekuriti Diberi Pinjam (termasuk jumlah Sekuriti) menurut apa-apa tindakan yang diambil oleh penerbit Sekuriti Diberi Pinjam yang berkaitan dengan atau yang timbul daripada Sekuriti itu.
- (e) Peserta SBLNT yang ingin mengembalikan Sekuriti Diberi Pinjam separa atau sepenuhnya mestilah memberitahu Pusat Penjelasan butiran yang ditetapkan akan pengembalian itu menerusi Wakil Peminjaman atau Wakil Pinjaman masing-masing yang dilantik. Apabila menerima pemberitahuan yang relevan daripada kedua-dua Peserta SBLNT, Pusat Penjelasan adalah diberi kuasa oleh Pemberi Pinjam SBLNT yang Diluluskan dan Peminjam SBLNT yang Diluluskan masing-masing, untuk mengarahkan Depositori Pusat untuk mendebit atau mengkredit akaun sekuriti yang diberikan oleh Pemberi Pinjam SBLNT yang Diluluskan dan Peminjam SBLNT yang Diluluskan, mengikut mana-mana yang berkaitan, untuk penghantarserahan semula Sekuriti Diberi Pinjam kepada Pemberi Pinjam SBLNT yang Diluluskan dengan syarat:
  - (i) butiran yang relevan yang diberikan oleh Peserta SBLNT disahkan dalam cara sebagaimana yang ditetapkan oleh Pusat Penjelasan; dan
  - (ii) terdapat Sekuriti yang mencukupi dalam akaun sekuriti Peminjam SBLNT yang Diluluskan pada masa yang relevan sebagaimana yang ditentukan oleh Pusat Penjelasan untuk menyempurnakan penghantarserahan semula Sekuriti Diberi Pinjam.
- (f) Setelah penamatan peminjaman oleh Pemberi Pinjam SBLNT yang Diluluskan atau Peminjam SBLNT yang Diluluskan, Peminjam SBLNT yang Diluluskan hendaklah mengembalikan Sekuriti Diberi Pinjam kepada Pemberi Pinjam SBLNT yang Diluluskan dalam rangka masa dan dalam cara yang ditetapkan oleh Pusat Penjelasan.
- (g) Tanpa mengambil kira Kaedah 8.12(f), Peserta SBLNT yang tidak ingkar boleh menamatkan peminjaman tanpa mengembalikan Sekuriti Diberi Pinjam jika mana-mana keadaan ingkar di bawah perjanjian antara Peserta-peserta SBLNT yang menetapkan terma dan syarat peminjaman tersebut dicetuskan, yang berkaitan dengan Peserta SBLNT yang ingkar.
- (h) Peserta SBLNT yang ingin menamatkan peminjaman tanpa mengembalikan Sekuriti Diberi Pinjam di bawah Kaedah 8.12(g) hendaklah berbuat demikian dalam cara sebagaimana yang ditetapkan oleh Pusat Penjelasan.
- (i) Pusat Penjelasan boleh menghalang kegagalan penghantarserahan Sekuriti Diberi Pinjam sebagaimana yang dirujuk dalam Kaedah 8.12(g) tanpa memberikan apa-apa asas atau alasan bagi keputusannya.
- (j) Kemudahan oleh Pusat Penjelasan bagi kegagalan penghantarserahan Sekuriti Diberi Pinjam di bawah Kaedah 8.12(g) tidak menjejaskan hak atau kuasa Pusat Penjelasan untuk mengambil tindakan bagi pelanggaran apa-apa Kaedah ini atau kehendak Pusat Penjelasan yang berkaitan dengan Transaksi Terunding SBL.
- (k) Setiap Peserta SBLNT yang terlibat dalam penamatan pinjaman tanpa mengembalikan Sekuriti Diberi Pinjam hendaklah menanggung rugi sepenuhnya dan terus menanggung rugi Pusat Penjelasan, sama ada tanggung rugi sedemikian dituntut oleh Pusat Penjelasan semasa atau selepas tamat tempoh Peserta SBLNT sebagai Pemberi Pinjam SBLNT yang Diluluskan atau Peminjam SBLNT yang Diluluskan, daripada dan terhadap apa-apa kerugian, ganti rugi, tuntutan, liabiliti, kos atau perbelanjaan (termasuk tetapi tidak terhad pada kos guaman berasaskan peguam dan pelanggan) yang dialami atau ditanggung oleh Pusat Penjelasan, sama ada secara



langsung atau tak langsung, yang timbul daripada atau yang berkaitan dengan penamatan peminjaman tanpa mengembalikan Sekuriti Diberi Pinjam.

- (l) Peserta SBLNT semata-mata yang bertanggungjawab terhadap semua hak dan obligasi yang timbul daripada, dan hendaklah mengambil semua risiko ingkar dan pemulihan yang berkaitan dengan hubungan peminjaman antara Peserta-peserta SBLNT. Dalam apa-apa keadaan sekalipun, Pusat Penjelasan tidak akan dipertanggungjawabkan terhadap pelaksanaan apa-apa obligasi yang timbul daripada hubungan peminjaman antara Peserta-peserta SBLNT.

### 8.13 AKAUN SEKURITI YANG DITENTUKAN

Peminjam SBLNT yang Diluluskan hendaklah memastikan bahawa semua Sekuriti Diberi Pinjam dipegang dalam dan sekiranya relevan, dipindahkan kepada, akaun ekuriti yang ditentukan sebagaimana yang ditetapkan oleh Pusat Penjelasan dan bukan akaun sekuriti lain.

### 8.14 TINDAKAN OLEH PUSAT PENJELASAN

- (a) Pusat Penjelasan boleh melaksanakan apa-apa kuasa yang dinyatakan di bawah Kaedah 8.14(b) dengan serta-merta tanpa merujuk Peserta/Wakil SBLNT selanjutnya:
  - (i) jika Peserta/Wakil SBLNT melakukan pelanggaran mana-mana syarat atau kehendak yang dikenakan oleh Pusat Penjelasan yang berkaitan dengan Transaksi Terunding SBL;
  - (ii) jika Pusat Penjelasan menetapkan dengan menurut budi bicara mutlaknya bahawa Peserta/Wakil SBLNT tidak dapat menjalankan mana-mana Transaksi Terunding SBL disebabkan apa-apa keadaan termasuklah kebangkrapan dan insolvensi;
  - (iii) jika Pusat Penjelasan menetapkan bahawa Peserta/Wakil SBLNT berkemungkinan mengakibatkan kerugian kepada Peserta/Wakil SBLNT lain akibat daripada pelanggaran mana-mana kehendak atau obligasi yang berkaitan dengan Transaksi Terunding SBL; atau
  - (iv) dalam apa-apa keadaan sedemikian menurut budi bicara mutlak Pusat Penjelasan disifatkan sesuai.
- (b) Tanpa menjejaskan apa-apa kuasa Pusat Penjelasan yang terkandung dalam Akta, Kaedah-kaedah ini atau mana-mana direktif, pekeliling atau arahan yang dikeluarkan oleh Pusat Penjelasan dari semasa ke semasa, tindakan yang boleh diambil oleh Pusat Penjelasan apabila berlakunya mana-mana kejadian yang dinyatakan dalam Kaedah 8.14(a) termasuklah satu atau lebih daripada yang berikut:
  - (i) melarang Peserta/Wakil SBLNT daripada memasuki mana-mana atau semua Transaksi Terunding SBL baharu dan/atau transaksi yang dihasratkan di bawah apa-apa direktif, pekeliling atau arahan yang dikeluarkan oleh Pusat Penjelasan yang berkaitan dengan Transaksi Terunding SBL;
  - (ii) menggantung atau menamatkan Peserta/Wakil SBLNT sebagai Peserta/Wakil SBLNT;
  - (iii) memberitahu semua Peserta/Wakil SBLNT akan penggantungan atau penamatan mana-mana Peserta/Wakil SBLNT; atau
  - (iv) mengehadkan aktiviti atau akses Peserta/Wakil SBLNT kepada perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan oleh Pusat Penjelasan yang berkaitan dengan Transaksi Terunding SBL berdasarkan terma sedemikian dan bagi

tempoh sedemikian sebagaimana yang boleh ditentukan oleh Pusat Penjelasan menurut budi bicara mutlakny.

- (c) Apabila tindakan telah diambil di bawah Kaedah 8.14(b), Peserta/Wakil SBLNT boleh membuat representasi kepada Pusat Penjelasan bagi menamatkan tindakan yang diambil. Selepas representasi dibuat, Pusat Penjelasan boleh menamatkan tindakan yang telah diambil. Walau bagaimanapun, hakikatnya penamatan tindakan sedemikian tidak seharusnya ditafsirkan sebagai peninggalan atau kesilapan yang apa-apa jenis pun di pihak Pusat Penjelasan dalam melaksanakan tindakan di bawah Kaedah 8.14(b).
- (d) Pusat Penjelasan tidak akan dipertanggungjawabkan terhadap apa-apa kerugian atau ganti rugi yang dialami oleh mana-mana pihak yang timbul daripada atau yang berkaitan dengan tindakan yang diambil oleh Pusat Penjelasan di bawah Kaedah 8.14(b) dengan syarat Pusat Penjelasan telah bertindak dengan suci hati.
- (e) Tanpa mengambil kira apa-apa peruntukan yang sebaliknya dalam Kaedah-kaedah ini, sekiranya dianggap perlu, Pusat Penjelasan boleh:
  - (i) menggantung perkhidmatan dan kemudahan Transaksi Terunding SBL sepenuhnya atau sebahagiannya bagi tempoh sedemikian sebagaimana yang disifatkan sesuai oleh Pusat Penjelasan menurut budi bicara mutlakny; atau
  - (ii) mengarahkan Peserta SBLNT untuk menamatkan Transaksi Terunding SBL-nya menurut mana-mana direktif atau arahan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya atau yang dikehendaki oleh mana-mana undang-undang bertulis, dan mengarahkan selanjutnya Peminjam SBLNT yang Diluluskan untuk menghantar serah semula Sekuriti Diberi Pinjam kepada Pemberi Pinjam SBLNT yang Diluluskan dalam rangka masa dan dalam cara sebagaimana yang ditetapkan oleh Pusat Penjelasan.

## **8.15 PERUNTUKAN MAKLUMAT**

Peserta/Wakil SBLNT mesti memberikan kepada Pusat Penjelasan atau Suruhanjaya apa-apa maklumat atau Dokumen yang berkaitan dengan apa-apa Transaksi Terunding SBL sebagaimana yang dikehendaki oleh Pusat Penjelasan atau Suruhanjaya dari semasa ke semasa.

## **8.16 PENDEDAHAN MAKLUMAT**

Tanpa mengambil kira apa-apa peruntukan dalam Kaedah-kaedah ini, Pusat Penjelasan adalah berhak untuk:

- (a) mendedahkan apa-apa maklumat atau untuk memberikan apa-apa dokumen yang dimilikinya atau yang dikawalny yang berkaitan dengan Transaksi Terunding SBL apabila dikehendaki atau diminta berbuat demikian oleh Suruhanjaya; dan
- (b) mendedahkan apa-apa maklumat yang dimiliki atau dikawalny kepada Suruhanjaya atau kakitangan Bursa yang dibenarkan dengan cara memberikan kepada orang sedemikian akses kepada Sistem SBLNT untuk tujuan memudahkan pelaksanaan tugas dan fungsi mereka di bawah kehendak, kaedah atau undang-undang yang relevan.

### 8.17 FI DAN CAJ

- (a) Peserta/Wakil SBLNT mesti membayar kepada Pusat Penjelasan fi dan caj yang relevan yang ditetapkan oleh Pusat Penjelasan yang berkaitan dengan apa-apa atau semua perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan oleh Pusat Penjelasan yang berkaitan dengan Transaksi Terunding SBL.
- (b) Pusat Penjelasan boleh, dari semasa ke semasa sekiranya disifatkan perlu menurut budi bicara mutlak, mevariasikan atau mengubah apa-apa fi dan caj melalui penetapan dalam Pekeliling SBL dan tanpa apa-apa notis selanjutnya kepada Peserta/Wakil SBLNT.

### 8.18 LIABILITI

Pusat Penjelasan tidak akan dipertanggungjawabkan terhadap mana-mana orang bagi apa-apa kerugian atau ganti rugi yang boleh ditanggung atau dialami oleh orang sedemikian disebabkan pelaksanaan atau pelaksanaan yang diniatkan akan apa-apa kuasa atau pelaksanaan apa-apa tugas atau fungsi yang diberikan atau dikenakan ke atas Pusat Penjelasan yang berkaitan dengan Transaksi Terunding SBL yang dilaksanakan oleh Pusat Penjelasan dengan suci hati.

### 8.19 FORCE MAJEURE

- (a) Sekiranya Pusat Penjelasan dikehendaki menggantung operasi Sistem SBLNT, mengikut mana-mana yang berkaitan, dan penyediaan semua perkhidmatan sampingan dengan atas apa-apa sebab sekalipun, Rekod Pusat Penjelasan, Depositori Pusat atau Sistem SBLNT tidak dapat disediakan, tidak boleh dicapai, lewat atau dihalang dalam apa-apa cara, Pusat Penjelasan tidak akan dipertanggungjawabkan bagi apa-apa kegagalan, halangan atau kelewatan dalam penyediaan perkhidmatan atau bagi kegagalan untuk atau kelewatan dalam memberi kesan terhadap apa-apa notis atau komunikasi daripada Peserta/Wakil SBLNT.
- (b) Pusat Penjelasan atau pengarah, pegawai, kakitangan atau ejennya tidak akan dipertanggungjawabkan terhadap apa-apa kerugian atau ganti rugi yang boleh dialami atau ditanggung oleh Peserta/Wakil SBLNT yang timbul daripada sebab yang di luar kawalan munasabah termasuklah, tidak terhad pada, ketentuan Tuhan atau musuh awam, tindakan pihak berkuasa awam atau tentera, malapetaka semula jadi, embargo, tindakan industri, kebakaran, banjir, kerosakan mekanikal, kegagalan komputer atau sistem atau sabotaj, kelewatan atau ketakupayaan untuk bertindak oleh mana-mana pendaftar, gangguan bekalan tenaga atau utiliti atau perkhidmatan lain, sekatan mata wang, mana-mana undang-undang, peraturan atau perintah mana-mana kerajaan, pihak berkuasa berwajib atau mana-mana mahkamah atau tribunal, peperangan atau keganasan.

### 8.20 TANGGUNG RUGI OLEH WAKIL PEMINJAMAN ATAU WAKIL PINJAMAN

Setiap Peserta Penjelasan hendaklah bertanggungjawab terhadap operasi dan fungsi sendiri sebagai Wakil Peminjaman atau Wakil Pinjaman yang berkaitan dengan Transaksi Terunding SBL sebagaimana yang dikehendaki di bawah Kaedah-kaedah ini, Pekeliling SBL atau selainnya dan mesti menanggung rugi sepenuhnya dan terus menanggung rugi Pusat Penjelasan, sama ada tanggung rugi sedemikian dituntut oleh Pusat Penjelasan semasa atau selepas penamatan tempoh Peserta Penjelasan sebagai Wakil Peminjaman atau Wakil Pinjaman, bagi apa-apa kerugian, kos guaman (termasuklah kos guaman pihak ketiga), ganti rugi atau liabiliti yang dialami atau ditanggung oleh Pusat Penjelasan, sama ada secara langsung atau sebaliknya, disebabkan apa-apa kecuai, peninggalan, kesilapan, salah tafsiran, penipuan atau kesilapan di pihak Peserta Penjelasan, pekerja atau ejennya, dengan

sentiasa menjadi syarat bahawa tindakan atau peninggalan sedemikian dilakukan semasa tempohnya sebagai Wakil Peminjaman atau Wakil Pinjaman.

## **8.21 KAEDAH-KAEDAH PUSAT PENJELASAN ADALAH MENDAHULUI**

Peserta/Wakil SBLNT hendaklah memastikan bahawa peruntukan perjanjian yang diikat dalam kalangan Peserta/Wakil SBLNT tidak akan dalam apa-apa cara pun tidak konsisten dengan mana-mana Kaedah atau kehendak ini yang dikenakan oleh Pusat Penjelasan atau peruntukan perjanjian yang diikat antara Peserta/Wakil SBLNT dengan Pusat Penjelasan yang berkaitan dengan Transaksi Terunding SBL (“Kaedah-Kaedah Pusat Penjelasan”), dan Peserta/Wakil SBLNT mesti menguatkuasakan Kaedah-Kaedah Pusat Penjelasan.

**LAMPIRAN 1**

Kepada:

Bursa Malaysia Securities Clearing Sdn Bhd  
Exchange Square,  
Bukit Kewangan,  
50200 Kuala Lumpur.

**PEMATUHAN DENGAN KEHENDAK-KEHENDAK YANG DIKENAKAN OLEH BURSA MALAYSIA SECURITIES CLEARING SDN. BHD. ("BURSA CLEARING (S)") YANG BERKAITAN DENGAN WAKIL PEMINJAMAN**

Menurut kehendak Kaedah 8.6(a) Kaedah-Kaedah Bursa Malaysia Securities Clearing Sdn Bhd ("Kaedah-Kaedah Bursa Clearing (S)"), kami [nama Peserta Penjelasan yang memohon menjadi Wakil Peminjaman] dengan ini mengisytiharkan dan mengaku janji seperti yang berikut:

- (1) kami akan memberikan kepada Bursa Clearing (S) atau Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, apabila diminta, apa-apa maklumat atau dokumen berkaitan dengan SBL yang dikehendaki oleh Bursa Clearing (S) atau Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, bersangkutan dengan Pemberi Pinjam SBLNT yang Diluluskan, yang bagi pihaknya kami bertindak;
- (2) kami telah menggubal satu set Garis Panduan Dalaman untuk Bertindak sebagai Wakil Peminjaman yang telah diluluskan oleh lembaga penguarah kami;
- (3) Garis Panduan Dalaman untuk Bertindak sebagai Wakil Peminjaman telah dikemukakan untuk perhatian kakitangan yang relevan yang telah membaca dan memahami kandungannya;
- (4) Garis Panduan Dalaman untuk Bertindak sebagai Wakil Peminjaman mematuhi kehendak-kehendak yang ditetapkan dalam Kaedah-Kaedah Bursa Clearing (S); dan
- (5) semua sistem dan infrastruktur yang relevan termasuklah sistem pejabat hadapan (*front office*) dan/atau pejabat belakang (*back office*) telah disahkan dan dinilai dari segi keupayaan aplikasi dan juga perisian dan perkakasan serta disahkan beroperasi dan mempunyai semua fungsi, kehendak dan kawalan untuk tujuan menjalankan aktiviti sebagai Wakil Peminjaman menurut Kaedah-kaedah Bursa Clearing (S) atau direktif, pekeliling atau arahan yang dikeluarkan oleh Bursa Clearing (S).

Bertarikh pada hari bulan [ ] bulan [ ] [ ].

Ditandatangani oleh [ ]

Nama:

Jawatan:

Tarikh:

[Lampiran Tamat]

## LAMPIRAN 2

Perkara-perkara yang mesti terkandung dalam perjanjian bertulis antara Wakil Peminjaman dengan Pemberi Pinjam SBLNT yang Diluluskan  
(Kaedah 8.6(f))

- (1) Wakil Peminjaman ialah wakil bagi Pemberi Pinjam SBLNT yang Diluluskan dalam melaksanakan fungsi dan tanggungjawab yang ditetapkan dalam Kaedah-kaedah ini atau mana-mana kehendak, direktif, pekeliling, atau arahan yang dikeluarkan oleh Pusat Penjelasan yang berkaitan dengan Transaksi Terunding SBL;
- (2) Fungsi dan tanggungjawab Wakil Peminjaman yang ditetapkan dalam Kaedah-kaedah ini atau mana-mana direktif, pekeliling, atau arahan yang dikeluarkan oleh Pusat Penjelasan yang berkaitan dengan Transaksi Terunding SBL, sebagaimana yang sama boleh diubah, dipinda, atau divariasikan dari semasa ke semasa; dan
- (3) Wakil Peminjaman mesti mematuhi obligasi yang dikenakan ke atas Wakil Peminjaman, sebagaimana yang terkandung dalam Kaedah-kaedah ini dan sebagaimana yang ditetapkan oleh Pusat Penjelasan dari semasa ke semasa.
- (4) Pemberi Pinjam SBLNT yang Diluluskan dengan nyatanya mengizinkan Wakil Peminjaman memberikan kepada Pusat Penjelasan atau Suruhanjaya Sekuriti Malaysia apa-apa maklumat atau dokumen yang berkaitan dengan apa-apa pinjaman yang dimasuki oleh Pemberi Pinjam SBLNT yang Diluluskan menurut Transaksi Terunding SBL sebagaimana yang dikehendaki oleh Pusat Penjelasan dari semasa ke semasa.

[Lampiran Tamat]

**LAMPIRAN 3**

Kepada:

Bursa Malaysia Securities Clearing Sdn Bhd,  
Exchange Square  
,  
Bukit Kewangan,  
50200 Kuala Lumpur.

**PEMATUHAN TERHADAP KEHENDAK-KEHENDAK YANG DIKENAKAN OLEH BURSA MALAYSIA SECURITIES CLEARING SDN. BHD. ("BURSA CLEARING (S)") YANG BERKAITAN DENGAN WAKIL PINJAMAN**

Menurut kehendak Kaedah 8.8(a) Kaedah-Kaedah Bursa Malaysia Securities Clearing Sdn Bhd ("Kaedah-Kaedah Bursa Clearing (S)"), kami [nama Peserta Penjelasan yang memohon menjadi Wakil Pinjaman] dengan ini mengisytiharkan dan mengaku janji seperti yang berikut:

- (1) kami akan memberikan kepada Bursa Clearing (S) atau Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, apabila diminta, apa-apa maklumat atau dokumen yang dikehendaki oleh Bursa Clearing (S) atau Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, bersangkutan dengan Peminjam SBLNT yang Diluluskan, yang bagi pihaknya kami bertindak;
- (2) kami telah menggubal satu set Garis Panduan Dalaman untuk Bertindak sebagai Wakil Pinjaman yang telah diluluskan oleh lembaga pengarah kami;
- (3) Garis Panduan Dalaman untuk Bertindak sebagai Wakil Pinjaman telah dikemukakan untuk perhatian kakitangan yang relevan yang telah membaca dan memahami kandungannya;
- (4) Garis Panduan Dalaman untuk Bertindak sebagai Wakil Pinjaman mematuhi kehendak yang ditetapkan dalam Kaedah-Kaedah Bursa Clearing (S); dan
- (5) semua sistem dan infrastruktur yang relevan termasuklah sistem pejabat hadapan (*front office*) dan/atau pejabat belakang (*back office*) telah disahkan dan dinilai dari segi keupayaan aplikasi dan juga perisian dan perkakasan serta disahkan beroperasi dan mempunyai semua fungsi, kehendak dan kawalan untuk tujuan menjalankan aktiviti sebagai Wakil Pinjaman menurut Kaedah-kaedah Bursa Clearing (S) atau direktif, pekeliling atau arahan yang dikeluarkan oleh Bursa Clearing (S) berhubungan dengan Transaksi Terunding SBL.

Bertarikh pada hari bulan [ ] bulan [ ] [ ].

Ditandatangani oleh [ ]  
Nama:  
Jawatan:  
Tarikh:

[Lampiran Tamat ]

---

**LAMPIRAN 4**

Perkara-perkara yang mesti terkandung dalam perjanjian bertulis antara Wakil Pinjaman dengan Peminjam SBLNT yang Diluluskan

(Kaedah 8.8(f))

- (1) Wakil Pinjaman ialah Wakil bagi Peminjam SBLNT yang Diluluskan dalam melaksanakan fungsi dan tanggungjawab yang ditetapkan dalam Kaedah-kaedah ini atau mana-mana direktif, pekeliling, atau arahan yang dikeluarkan oleh Pusat Penjelasan yang berkaitan dengan Transaksi Terunding SBL;
- (2) Fungsi dan tanggungjawab Wakil Pinjaman yang ditetapkan dalam Kaedah-kaedah ini atau mana-mana direktif, pekeliling, atau arahan yang dikeluarkan oleh Pusat Penjelasan yang berkaitan dengan Transaksi Terunding SBL, sebagaimana yang sama boleh diubah, dipinda, atau divariasikan dari semasa ke semasa; dan
- (3) Wakil Pinjaman hendaklah mematuhi obligasi yang dikenakan ke atas Wakil Pinjaman, sebagaimana yang terkandung dalam Kaedah-kaedah ini dan sebagaimana yang ditetapkan oleh Pusat Penjelasan dari semasa ke semasa.
- (4) Peminjam SBLNT yang Diluluskan dengan nyatanya mengizinkan Wakil Pinjaman memberikan kepada Pusat Penjelasan atau Suruhanjaya Sekuriti Malaysia apa-apa maklumat atau dokumen yang berkaitan dengan apa-apa pinjaman yang dimasuki oleh Peminjam SBLNT yang Diluluskan menurut Transaksi Terunding SBL sebagaimana yang dikehendaki oleh Pusat Penjelasan dari semasa ke semasa.

[Lampiran Tamat]



## LAMPIRAN 5

Perkara-perkara yang hendak dimasukkan dalam perjanjian untuk Transaksi Terunding SBL  
(Kaedah 8.10)

- (1) Melainkan pihak-pihak bersetuju selainnya, Sekuriti yang Layak tidak boleh dipinjamkan melainkan kolateral telah diterima atau akan diterima serentak dengan pinjaman. Sebagai langkah minimum untuk kepentingan pemberi pinjaman, kolateral (jika terpakai) hendaklah dihantarserahkan terus kepada pemberi pinjaman atau wakil kepada pemberi pinjaman atau pihak ketiga yang ditentukan yang diberi kuasa oleh pemberi pinjaman atau wakil kepada pemberi pinjaman;
- (2) Sekuriti Diberi Pinjam dan kolateralnya (jika terpakai) hendaklah mempunyai nilai mengikut pasaran semasa (sekurang-kurangnya nilai harian) dan jumlah kolateral mesti dilaraskan, jika perlu;
- (3) Bagaimana transaksi pinjaman dan peminjaman Sekuriti boleh ditamatkan oleh pemberi pinjaman atau peminjam, dan bagaimana penamatan sedemikian boleh dikuatkuasakan;
- (4) Pihak mana yang seharusnya berhak terhadap apa-apa dividen atau faedah lain atau pengagihan yang terkumpul ke atas Sekuriti Diberi Pinjam dan mana-mana Sekuriti yang diberikan sebagai kolateral;
- (5) Hak dan obligasi pemberi pinjaman atau peminjam sekiranya mana-mana Sekuriti Diberi Pinjam atau mana-mana Sekuriti yang diberikan sebagai kolateral, mengikut mana-mana yang berkaitan, yang dipengaruhi oleh penukaran, sub-bahagi, penggabungan, pendahuluan, pengambilalihan ke atas penerbit Sekuriti yang terkandung dalam Sekuriti Diberi Pinjam atau melalui tindakan korporat yang lain yang mempengaruhi Sekuriti sedemikian;
- (6) Sekuriti Diberi Pinjam mesti dihantar serah kepada peminjam bebas daripada apa-apa bebanan atau sekatan;
- (7) Peruntukan yang mengawal fi yang perlu dibayar oleh mana-mana pihak di bawah perjanjian yang mentadbir terma dan syarat transaksi pinjaman dan peminjaman Sekuriti; dan
- (8) Hak dan remedi mana-mana pihak dalam keadaan ingkar oleh pihak yang lain.

[Lampiran tamat]